

# **TAHUKAH ANDA**

## **TABUNG KEBAJIKAN PESAKIT PPUKM (TKPPUKM)**

### **PENGENALAN**

Pusat Perubatan UKM ( PPUKM ) merupakan sebuah pusat pengajar dan kepakaran perubatan yang beroperasi sejak tahun 1997. Hingga tahun 2009, kira-kira 873 buah katil telah dibuka bagi memenuhi keperluan pesakit-pesakit yang semakin bertambah termasuk rujukan dari negeri Sabah dan Sarawak. Secara purata dalam setahun, seramai lebih 360,000 pesakit menerima rawatan sebagai pesakit luar dan kemasukan pesakit ke wad pula berjumlah 36,000 orang.

Perkhidmatan terbaik disediakan kepada semua pelanggan PPUKM termasuklah bagi mereka yang berkemampuan, tidak berkemampuan serta pelanggan yang kurang upaya tanpa mengira batasan usia, bangsa, agama dan jantina. Memandangkan keperluan bantuan perubatan yang semakin meningkat dan terdapat pesakit-pesakit yang memerlukan bantuan kecemasan dan segera, maka pihak pengurusan telah mengambil inisiatif bagi menubuhkan tabung yang dinamakan “Tabung Kebajikan Pesakit Hospital UKM” pada 30 Mac 2000. Melalui penubuhan tabung ini, badan-badan korporat, swasta, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan juga orang perseorangan dapat menyampaikan sumbangan bakti untuk pembiayaan rawatan pesakit yang benar-benar memerlukan bantuan.

### **OBJEKTIF PENUBUHAN TABUNG KEBAJIKAN PESAKIT PPUKM**

1. Membantu dan memastikan pesakit-pesakit yang kurang berkemampuan dapat menerima rawatan dan pemulihan di Pusat Perubatan UKM.
2. Menyalurkan bantuan dan keperluan rawatan yang diperlukan oleh pesakit dalam kadar segera dengan tempoh kelulusan bantuan yang singkat.
3. Memastikan keperluan rawatan disalurkan kepada golongan pesakit yang layak dan memerlukan melalui penilaian yang terancang.
- 4.

### **JENIS-JENIS BANTUAN**

#### **BANTUAN PERALATAN PERUBATAN**

Antara bantuan peralatan yang diperlukan melibatkan pesakit-pesakit dari unit klinikal pediatrik, ortopedik, kardiologi, onkologi, hematologi, nefrologi, respiratori, oftalmologi, otorinaringologi dan surgeri. Contohnya seperti *central line, suction machine, colostomy bag, chemo pot, kerusi roda, cochlear implant, oxygen concentrator* dan sebagainya.

#### **BANTUAN UBAT-UBATAN**

Tabung menyediakan bantuan ubat-ubatan untuk ubat *non-formulary* (ubat yang tidak dibekalkan oleh kerajaan) tetapi mesti ubat yang diluluskan penggunaannya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **BANTUAN AM**

Pembiayaan kos pengangkutan sebelum dan selepas rawatan serta bantuan perbelanjaan kecemasan semasa dalam rawatan di hospital.

### **KAEDAH PENGURUSAN TABUNG KEBAJIKAN PESAKIT PPUKM**

Tabung ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Tabung Kebajikan Pesakit PPUKM yang terdiri daripada Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah PPUKM, Ketua Pegawai Operasi, Ketua

Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Ketua Jabatan Kewangan, Ketua Jabatan Pengurusan Kejururawatan dan Ketua Farmasi, Ketua Jabatan Pentadbiran serta seorang wakil pakar klinikal.

Laporan kewangan tahunan tabung akan diaudit oleh juruaudit dalam dan luar yang dilantik oleh pihak pengurusan PPUKM. Semua wang dimasukkan ke dalam akaun khas PPUKM dan dikecualikan daripada cukai pendapatan.

## **KAEDAH AGIHAN TABUNG**

Proses pengagihan dan penyaluran bantuan Tabung Kebajikan Pesakit PPUKM adalah seperti berikut:

1. Pegawai Perubatan mengesahkan pesakit jenis keperluan bantuan dan merujuk pesakit kepada Pegawai di Jabatan Kerja Sosial Perubatan PPUKM.
2. Pegawai Kerja Sosial Perubatan akan melakukan penilaian sosioekonomi yang disusuli dengan laporan lengkap bagi permohonan yang layak dikemukakan kepada Jawatankuasa untuk pertimbangan kelulusan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa TKPPUKM
3. Proses pemberian bantuan kepada pesakit yang diluluskan permohonannya akan kendalikan oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan sehingga selesai.
- 4.

## **KAEDAH MEMBERI SUMBANGAN**

Sumbangan kewangan yang ingin disalurkan kepada tabung hendaklah atas nama **Hospital UKM** melalui cek/ postal order/ money order dan dituliskan "**Tabung Kebajikan Pesakit PPUKM**" di belakang cek/ postal order/ money order berkenaan.

**Resit diberikan bagi setiap sumbangan dan sumbangan anda dikecualikan dari cukai pendapatan menurut Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Rujukan: 01/35/42/51/179-6.1412).**

Kakitangan UKM yang ingin memberi sumbangan melalui potongan gaji boleh mengisi borang persetujuan dan dihantar ke Jabatan Kewangan PPUKM.

Kakitangan yang ingin memberi sumbangan secara Tunai / Cek / Kiriman Pos boleh mengisi borang persetujuan dan dihantar ke Jabatan Kewangan PPUKM.

## **Jabatan Kerja Sosial Perubatan**

Tingkat 3, Bangunan Klinikal,

Pusat Perubatan UKM

Jalan Yaacob Latif

Bandar Tun Razak

56000 Cheras, Kuala Lumpur.

Tel : 03-91457880/5761

Fax : 03-91456584

Website: [www.ppukm.ukm.my/jksp](http://www.ppukm.ukm.my/jksp)

# **PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

Tahu kah anda antara kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat? Layari laman sesawang mereka [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my). Antaranya ialah bagi Orang Kurang Upaya (OKU)

## **KATEGORI OKU**

Terdapat 7 kategori OKU yang boleh dipertimbangkan bagi tujuan pendaftaran OKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti berikut :

### **1. Kurang Upaya Pendengaran**

Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran.

### **2. Kurang Upaya Penglihatan**

Tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh.

### **3. Kurang Upaya Pertuturan**

Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembah. Bagi kanak-kanak mestilah berdasarkan penilaian pada umur lima tahun ke atas. Sekiranya ada kemosyikilan, Pakar Otorinolaringologi hendaklah dirujuk.

### **4. Kurang Upaya Fizikal**

Ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di mana-mana bahagian badan yang mengalami keadaan seperti hemiplegia, paraplegia, tetraplegia, kehilangan anggota, kelemahan otot-otot yang mengakibatkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti asas seperti penjagaan diri, pergerakan dan pertukaran posisi tubuh badan. Keadaan ini boleh terjadi akibat daripada kecederaan (*trauma*) atau ketidakfungsian sistem saraf, kardiovaskular, respiratori, hematologi, imunologi, urologi, hepatobiliari, muskuloskeletal, ginekologi dan lain -lain.

### **5. Masalah Pembelajaran**

Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, *Sindrom Down*, dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjelaskan kemampuan pembelajaran individu seperti *Autisme (Autistic Spectrum Disorder)*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)* dan masalah pembelajaran spesifik seperti (*Dyslexia*, *Dyscalculia* dan *Dysgraphia*).

### **6. Kurang Upaya Mental**

Keadaan penyakit mental yang teruk yang telah diberi rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya dua tahun oleh Pakar Psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami dan telah menjalani rawatan psikiatri, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat.

### **7. Pelbagai (*Multiple Disabilities*)**

Kurang Upaya Pelbagai (*Multiple Disabilities*)- mempunyai lebih daripada satu jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan dalam kategori satu hingga enam.

**Borang Pendaftaran**

Borang Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya BPPOKU (Pindaan 1/2012). Permohonan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian. Menggunakan borang tersebut dan menyertakan dokumen sokongan seperti salinan sijil kelahiran/Kad Pengenalan.

**Syarat-syarat Pendaftaran**

- a. Warganegara yang bermastautin di Malaysia
- b. Disahkan/diperakui oleh Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan/Pakar Psikiatri atau Pakar/Perubatan Swasta.